

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 1/1965**

=====

**UNDANG-UNDANG TANAH KEBANGSAAN**

-----

Undang-undang Tanah Kebangsaan harus akan mula dilaksanakan kuat kuasanya pada 1hb Januari 1966. Dengan itu, adalah sangat mustahak bagi Pegawai-Pegawai Pejabat Tanah memahami dan mengkaji dengan telitinya Undang-Undang Tanah ini sebelum dilaksanakan apabila sampai masanya nanti.

2. Untuk memberi bantuan kepada memahami Undang-undang Tanah ini, Pesuruhjaya Undang-Undang Tanah telah menyediakan satu catitan "Notes upon National Land Code" yang ada disertakan bersama-sama ini bagi panduan. Satu salinan Notes ini hendaklah dijilidkan dan digunakan apabila apa-apa panduan dikehendaki satu masa ke satu masa.

3. Perkara yang mustahak di peringkat di dalam memahami Undang-undang Tanah ini, ialah perkara berkaitan dengan "Dealings" dan "Registration of Dealings" iaitu berkaitan dengan cara-cara menggunakan berbagai-bagai borang yang disediakan. Semua pemungut Hasil Tanah adalah di ingatkan penggunaan borang-borang yang salah di daftarkan adalah kesalahan yang sukar di ubah.

4. Dengan itu tiap-tiap Pejabat Tanah mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 4 naskah Undang-undang Tanah ini supaya boleh di gunakan bila-bila masa sahaja oleh Pegawai-pegawai Pejabat Tanah. Buku Undang-undang Tanah ini boleh dibeli daripada Pencetak Kerajaan Kuala Lumpur dengan bayaran yang ditetapkan.

t.t

**(OSMAN BIN ALI)**

PESUROHJAYA TANAH DAN GALIAN  
SELANGOR

C.L.& M. (Sel. ) 0.22 PT.5(29)

KUALA LUMPUR  
22 HB NOVEMBER 1965